



KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA
NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA
馬來西亞半島新聞從業員職工會

September 8, 2014

YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

Menteri Kementerian Dalam Negeri Pejabat Perdana Menteri
Blok D1 & D2, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya
Tel: 03 8886 8000 / 3000 | Fax : 03-88891613/03-88891610

YB Dato' Seri,

Penahanan wartawan Malaysiakini Susan Loone di bawah Akta Hasutan (ISA)

Berhubung perkara di atas, kami bagi pihak Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) merakamkan rasa kesal dan ketidakpuasan hati kami terhadap penahanan wartawan Malaysiakini, Susan Loone bawah Seksyen 4 (1) (C) Akta Hasutan 1948 4 September lalu.

Untuk maklumat Dato' Seri, Susan Loone hanya menjalankan tugasnya sebagai wartawan dan melaporkan apa yang dilihat dan didengar pada satu-satu tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

NUJ menganggap penahanan Susan Loone di bawah Akta Hasutan itu adalah keterlaluan dan amat bertentangan dengan apa yang telah diuar-uarkan oleh YAB Perdana Menteri sedikit masa dahulu supaya wartawan bebas dan tidak takut untuk melaporkan kebenaran.

Adalah diharapkan pihak Dato' Seri tidak lagi menggunakan Akta Hasutan terhadap mana-mana wartawan di masa akan datang semata-mata kerana berita yang disiarkan atau diterbitkan dalam akhbar.

Untuk maklumat Dato' Seri, tugas wartawan hanya melaporkan dan bergantung kepada apa yang diberikan oleh sumber bahan berita. Maka itu, adalah tidak adil hanya wartawan yang dikenakan tindakan manakala sumber berita itu dibiarkan.

Kami khuatir sekiranya trend menahan wartawan di bawah Akta tersebut boleh menampakkan Malaysia tidak lagi dilihat oleh dunia sebagai sebuah negara contoh yang mengamalkan demokrasi dengan sihat sebaliknya mengongkong kebebasan akhbar dengan menggunakan akta yang dianggap tidak relevan dalam dunia tanpa sempadan hari ini.


Diharap di bawah pimpinan Dato' Seri, Malaysia akan terus mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam suasana kepelbagaian, toleransi dan sikap keterbukaan terhadap media yang melaporkan kebenaran.

Walaupun Susan Loone telah dibebaskan sehari selepas penahanan itu, namun NUJ masih kesal terhadap penahanannya di bawah Akta Hasutan tersebut.

Maka dengan itu, kami menggesa pihak Kementerian menarik balik tuduhan terhadap Susan Loone di bawah Akta Hasutan tersebut.

Sekian Terima Kasih.

Bagi Pihak Majlis Tertinggi Exco NUJ,



CHIN SUNG CHEW
Presiden NUJ